
“Rakan dalam Pembangunan Ilmu & Insan”

PELAWAAN MENJADI AHLI PERSATUAN HIMPUNAN ILMUAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kami rafak dan panjatkan ke hadrat ilahi kerana diberi ruang dan kesempatan untuk melebarkan salam perkenalan Persatuan Himpunan Ilmuan Universiti Malaysia Sabah (HiUMS) kepada seluruh warga UMS.

HiUMS berpandangan bahawa universiti adalah gedung budaya dan peradaban, yang misinya ialah untuk pendidikan insan. Sebagai entiti berdiri sendiri yang ditadbir oleh perlembagaan persatuan, HiUMS berusaha memandang ke hadapan, bersikap imaginatif dan inovatif dengan perencanaan aktiviti-aktiviti yang bersifat menyokong, memperkasa dan mempermudah usaha universiti mencapai visi dan misinya.

HiUMS lahir hasil dari rasa keterpunyaan (*sense of belonging*) terhadap UMS dan berusaha menyumbangkan yang terbaik. Dimensi baharu di bawah aspirasi kerajaan baharu terkandung padanya seribu rahmat untuk kita bebas berkarya dan bebas menzahirkan pandangan asal sahaja ia terikat dengan norma-norma yang tulus ikhlas memastikan misi, visi, dan tradisi keilmuan UMS terus terpelihara, di samping menjunjung tinggi tatakelola baik yang dipenuhi dengan sinaran hikmah. Atas dasar itu, HiUMS yang ditubuhkan pada 8 Februari 2019 dengan Nombor Pendaftaran Pertubuhan PPM-001-12- 08022019 telah menggariskan beberapa objektif besar yang mendasari kerangka asas persatuan ini, antaranya:-

1. Menyubur budaya dan tradisi intelektual dalam kalangan ahli akademik dan ilmuan UMS bagi mendokong transformasi dan matlamat Universiti Malaysia Sabah
2. Menjunjung prinsip universiti untuk masyarakat melalui usaha kerjasama dan perkongsian ilmu serta sumbangan khidmat sosial dan khidmat kepakaran bagi memperkasa pembangunan modal insan masyarakat setempat.
3. Membuat dan menganjurkan kajian, kertas kerja, peninjauan atau penyelidikan atas aspek-aspek terbabit dengan bidang profession ini
4. Memberi kerjasama kepada kerajaan dan agensinya dalam melaksanakan dasar-dasar negara khususnya yang melibatkan bidang profession ini
5. Meningkatkan taraf profesionalisme di kalangan ahli-ahli
6. Menjadi platform perhubungan, perbincangan dan rakan kerjasama strategik di antara para ahli akademik dan ilmuan UMS dengan pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah.

Bersandarkan premis “Rakan dalam Pembangunan Ilmu dan Insan”, HiUMS berperanan sebagai pemudahcara dengan sama-sama berkongsi manfaat dengan menawarkan khidmat dan rakan kerjasama strategik kepada seluruh warga UMS khususnya dalam menguruskan persidangan, seminar, wacana di samping gerak kerja CSR bagi tujuan perkongsian ilmu, sumbangan khidmat sosial dan khidmat kepakaran bagi memperkasa pembangunan modal insan masyarakat setempat. Dalam jangka waktu terdekat, HiUMS akan turut serta dalam program khidmat sosial dan perkongsian ilmu iaitu Program Kem Matematik Perdana 2019 bersama pelajar-pelajar sekolah menengah di daerah Tuaran.



Selain itu, melalui rangka kerjasama HiUMS-Bank Islam Malaysia Berhad, persetujuan juga telah dicapai bahawa setiap ahli berdaftar HiUMS akan memperolehi sejumlah manfaat dari Bank Islam Malaysia Berhad. Antaranya kemudahan Kad Kredit Korporat BIMB-HiUMS, UniDebit, Kemudahan Bank Overdraft (Cashline), Pinjaman Perumahan Bank Islam dan peluang untuk memenangi wang simpanan RM1 juta melalui program akaun simpanan Al-Awfar pada setiap suku tahun. Pun demikian, sehebat apapun manfaat di atas, yang terbesar bagi kita sebagai ahli berdaftar HiUMS adalah kita sebagai rakan kongsi strategik dan utama dalam memastikan perjalanan misi dan visi universiti terus dipertahankan dan dijunjung tinggi.

Dalam tempoh sebulan lebih pendaftaran HiUMS diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, ahli berdaftar ketika ini hampir mencecah 200 orang dari kalangan akademik sama ada pegawai-pegawai kanan Universiti, ahli-ahli Senat, rakan-rakan pensyarah di Fakulti, Pusat dan Institut, penyelidik dan ahli bersekutu.

Meskipun HiUMS masih muda pada usia, kematangan jentera penggerak di sebaliknya akan membawa persatuan ini untuk mencapai aspirasinya. Kombinasi Ahli Majlis Tertinggi HiUMS mewakili pelbagai fakulti sains dan sastera, seiring dengan perubahan zaman yang mana aliran ilmu pemikiran baru kini tidak terkongkong dalam bingkai satu-satu disiplin, sempadan antara disiplin mulai cair, menyebabkan percambahan aktiviti lintas batas antara pelbagai disiplin.

Akhir kata, kekuatan suatu persatuan adalah dari ahlinya. Saya sesungguhnya ingin meletakkan suatu iltizam kepada semua ahli HiUMS dan rakan-rakan warga UMS yang akan mendaftar sebagai ahli, marilah kita saling bahu membahu, berganding tangan memastikan bahawa hasrat yang murni dalam misi persatuan ini kita capai. Saya percaya dengan sokongan dan komitmen kita semua sesuai dengan peranan masing-masing, matlamat akhir persatuan ini insyaAllah dapat kita kecapai dan nikmati bersama.

Untuk proses pendaftaran keahlian secara atas talian, sila klik pautan ini bit.ly/HiUMS atau berhubung dengan Setiausaha Agung HiUMS (Pn. Salmie@Suhaina Jemon) di nombor 088-320000, Samb. 1799, email: ilmuanums@gmail.com atau layari www.ums.edu.my/hiums

Salam HiUMS,

PROF. MADYA DR. ABDULLAH BADE

Pengerusi

Persatuan Himpunan Ilmuan Universiti Malaysia Sabah.